



Headline: Pesara rugi RM77,500 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 30 March 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 21

Pesara rugi RM77,500 ditipu Macau Scam

Georgetown: Seorang pesara operator kilang kerugian RM77,500 selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam apabila diperdaya menerusi panggilan telefon daripada individu menyamar pegawai dari Bank Negara, Isnin lalu.

Mangsa dikatakan menerima panggilan yang memberitahu beliau bersama seorang lelaki dikenali sebagai David terbabit dalam kes pengubahan wang haram bernilai RM1.5 juta dan akan dikenakan waran tangkap kerana disyaki bersubahat.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan AA Anbalagan, berkata akibat takut, mangsa mengikut arahan suspek dengan mengeluarkan simpanannya dalam akaun di Tabung Haji dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

"Mangsa masukkan RM25,000 ke akaun Bank CIMB di Bayan Baru di sini, pada Isnin lalu, seterusnya memasukkan lagi RM20,000 ke akaun Bank RHB di Jalan Tengah di sini, sebelum memasukkan RM10,000 ke akaun Bank CIMB, Selasa lalu.

"Mangsa kemudian masukkan lagi RM10,000 ke akaun RHB Rabu lalu, sebelum memasukkan tambahan RM12,500 ke akaun CIMB, kelmarin.

"Selepas mangsa memasukkan semua wang, beliau menceritakannya kepada rakannya yang memaklumkan mangsa ditipu," katanya dalam kenyataan, semalam.